

# Faktor agama bul

u.m m/s 11 5/10/07

**APABILA** bercakap tentang pendermaan organ umum mengetahui bahawa orang Melayu (Islam) merupakan kumpulan yang paling kurang menjadi pengikrar mahupun penderma berbanding orang Cina dan India.

Fellow Penyelidik Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) Siti Fatimah Abdul Rahman berkata, melihat kepada statistik tersebut pastinya kita tertanya-tanya apakah puncanya yang menyebabkan orang Melayu (Islam) keberatan untuk tampil melaksanakan tuntutan yang mulia itu.

Beliau memetik wawancara *Mingguan Malaysia* dengan Presiden Persatuan Transplantasi Malaysia, Datuk Dr. Zaki Morad Mohd. Zaher yang mengkategorikan tiga faktor menyebabkan kesukaran mendermaan organ. Faktor tersebut ialah budaya, agama dan kekurangan maklumat.

Faktor budaya merujuk kepada sikap masyarakat yang tidak suka mayat sanak-saudara mereka diusik melalui pembedahan. Manakala faktor agama merujuk kepada pandangan kononnya agama melarang pemindehan organ. Akhirnya, faktor kekurangan maklumat pula merujuk kepada hakikat bahawa orang ramai yang tidak tahu bahawa pemindahan organ ialah satu kaedah rawatan yang sangat berjaya boleh membantu pesakit.

Menurut Siti Fatimah, kajian awal sekumpulan penyelidik IKIM ke atas

kumpulan orang Islam tahun lalu menghasilkan penemuan yang agak memeranjatkan tetapi menarik. Untuk soalan, 'sebab enggan menjadi penderma, berikut ialah jawapan mereka:

Beliau berkata, penemuan itu menunjukkan bahawa dua faktor utama yang menyebabkan orang Islam tidak menjadi penderma organ ialah rasa takut dan kurang pendedahan.

"Jadi bukanlah faktor budaya atau agama seperti yang berlaku satu atau dua dekad lalu," katanya.

Siti Fatimah tidak menolak kemungkinan bahawa hasil kerjasama semua pihak dalam memberi kefahaman bahawa semua agama termasuk Islam amat menggalakkan hal ini menyebabkan agama bukan lagi penghalangnya. Sebaliknya, kini penghalang utama ialah rasa takut.

Walaupun kajian itu tidak dapat mengenal pasti dengan lebih mendalam unsur-unsur ketakutan itu, namun kajian pada masa hadapan boleh melihat dengan lebih terperinci tentang apakah sebenarnya yang ditakutkan oleh bakal penderma ini.

Apakah mereka takutkan pembedahan atau takutkan masa depan? Misalnya jika dia mendermaan organ kepada seseorang dan kemudiannya orang itu menjadi penjenayah, apakah dia takut terpalit dengan dosa-dosa orang tersebut?

Jika itu alasannya maka jelas bahawa akhirnya ketakutan yang timbul bertitik tolak daripada salah fa-

## Enggan menjadi penderma

Sebab	Peratusan
Takut	56.3
Kurang pendedahan	17.8
Agama tidak membenarkan	5.2
Takut dan kurang pendedahan	8.1
Semua faktor	12.6

ham agama yang perlu diperbetulkan.

Oleh itu, satu daripada implikasi kajian IKIM ialah keperluan kepada satu pendekatan baru dalam memberi kefahaman mengenai hal ini agar lebih ramai orang Islam tertarik untuk menjadi penderma organ. Pendekatan tersebut perlu menangani kedua-dua unsur itu. Jika takut merupakan masalahnya, kita cuba lerai ketakutan tersebut. Jika kurang pendedahan menjadi masalahnya, usaha-usaha untuk memberi maklumat tentang perkara tersebut perlu diperhebatkan dengan menggunakan kaedah yang pelbagai.

Siti Fatimah berharap, penemuan-penemuan itu dapat membuka fikiran umat Islam mengenai masalah sebenar dalam masyarakat berhubung pendermaan organ.

"Diharapkan supaya pendekatan baru dapat digunakan agar umum benar-benar memahami hal ini dan tampil secara sukarela untuk menjadi penderma organ," katanya.

# kan alasan utama

**Jadual 1: Statistik Pengikrar Organ Mengikut Bangsa\***

	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005**
Cina	2,181	1,659	9,161	11,090	12,378	7,752	6,191	4,975	3,322
India	279	467	2,412	3,870	2,700	3,463	3,178	2,168	1,963
Melayu	38	68	480	650	1,104	1,996	1,954	1,454	1,578
Lain-lain	68	70	545	541	429	376	201	267	219
Tidak diketahui	2	0	21	20	14	3	0	2	0
Jumlah	2,568	2,264	12,619	16,171	16,625	13,590	11,524	8,866	7,082

**Jadual 2: Statistik Penderma Organ Mengikut Bangsa\***

	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004	2005**
Cina	3	4	4	6	16	13	14	14	4
India	1	3	0	3	3	14	8	1	5
Melayu	1	0	0	3	1	0	0	1	1
Lain-lain	0	0	0	1	4	3	3	0	0
Tidak diketahui	0	2	2	3	0	0	0	0	0

\* Sumber: Pusat Sumber Transplan Kebangsaan (NTRC) Hospital Kuala Lumpur.

\*\* Statistik sehingga 30 November 2005.